



KENYATAAN TENDER

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI LOT PT 2305, PRESINT 10,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN
(NO. TENDER: PPJ/JL/T/0013/2025)

- 1. Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- 2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN & KAEDAH BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred: G6 Kategori: CE Pengkhususan: CE14 (Landskap diluar Bangunan) DAN TERBUKA Surat Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN	<u>TAKLIMAT</u> 7 November 2025 (Jumaat) 10:00 pagi Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya <u>LAWATAN TAPAK</u> 7 November 2025 (Jumaat) KOMPLEKS SERI PERDANA, PRESINT 10 (DIWAJIBKAN)	10 November 2025 (Isnin) sehingga 21 November 2025 (Jumaat) web httpss://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	Ringgit Malaysia RM 300.00 (Tidak Dikembalikan) web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	2 Disember 2025 (Selasa) 12:00 tengah hari Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya

- 3. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
- 4. Taklimat tender akan diadakan pada **7 November 2025 (Jumaat), jam 10:00 pagi di Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Hanya pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam SPKK dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ** dan **Cap Syarikat**.
- 5. Tender ini akan ditutup pada **2 Disember 2025 (Selasa), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan, pada tarikh yang ditetapkan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 6. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender **dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak)**. Hanya kontraktor yang BERDAFTAR di dalam sistem COINS sahaja dibolehkan untuk membeli dokumen tender. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my / bantuan.coins@ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.